

# UiTM muncul juara keseluruhan Karnival Sukan MASUM 2024

**PETALING JAYA:** Kontinjen Universiti Teknologi Mara (UiTM) melakar sejarah tersendiri apabila muncul juara Karnival Sukan MASUM buat kali keenam berturut-turut.

UiTM muncul juara selepas mengutip 41 emas, 29 perak dan 27 gangsa dalam Karnival Sukan MASUM 2024 yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UM) dan Universiti Malaya (UM).

Naib juara keseluruhan pula menjadi milik Universiti Putra Malaysia (UPM) yang meraih 15

emas, 16 perak, 17 gangsa.

Pengarah Pusat Sukan UiTM, Ahmad Tarmizy Mohammed menyifatkan kejayaan mengekalkan kejuaraan buat kali keenam berturut-turut adalah hasil disiplin dan pengorbanan atlet, sokongan barisan jurulatih serta pengurusan universiti.

“Disiplin dan komitmen diberikan para atlet dan sokongan barisan kejurulatihan serta pengurusan universiti sangatlah tinggi bagi edisi 2024.

“Karnival Sukan MASUM 2024 kali ini berlangsung sema-

sa semester bermula. Para atlet berkorban masa belajar demi berjuang bagi menaikkan nama UiTM.

“Semangat juang dalam kalangan atlet juga membara ditambah dengan cabaran cuaca yang tidak menentu, mereka tetap meneruskan latihan. Kejayaan datang hasil usaha tidak mengenal lelah setiap mereka, tahniah,” katanya.

Pada edisi sebelum ini, UiTM muncul juara keseluruhan selepas meraih 36 emas, 27 perak dan 29 gangsa.



**KONTINJEN UiTM muncul juara keseluruhan Karnival Sukan MASUM 2024. - IHSAN PUSAT SUKAN UITM**